

19 OCT 2001

REAKSI-RAFIDAH/BM

KADAR CUKAI KORPORAT MSIA SEDIA ADA AMAT KOMPETITIF

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kadar cukai korporat Malaysia sedia ada adalah amat kompetitif dengan beberapa syarikat, tempatan dan asing, kadangkala membayar serendah 19 peratus dalam cukai korporat, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Raidah Aziz berkata di sini hari ini.

Beliau berkata di sebalik mengambil langkah cukai korporat sebagai satu cara, kerajaan lebih berminat mengadakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi syarikat.

Dengan cara itu syarikat-syarikat akan membuat lebih banyak wang, katanya apabila ditanya kenapa kerajaan tidak mengumumkan sebarang potongan cukai korporat bercanggah dengan spekulasi meluas yang cukai sebanyak 28 peratus akan dikurangkan lagi.

Rafidah berkata bahawa di sesetengah negara, kadar cukai adalah lebih rendah tetapi kos berniaga mereka adalah lebih tinggi lagi yang tidak memberikan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi perniagaan.

Dengan persekitaran perniagaan yang lebih baik, syarikat-syarikat akan dapat berkembang dan meluaskan operasi mereka dan dalam proses itu meraih pulangan yang lebih baik.

Inilah sebabnya kenapa kerajaan tidak mengambil langkah mengenakan cukai korporat untuk mengumpul hasil, kata beliau.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam membentangkan Belanjawan 2002, berkata kerajaan telahpun mengadakan pelbagai galakan cukai kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan dan jika semua ini diambil kira, kadar cukai Malaysia adalah lebih rendah.

Rafidah juga menekankan soal produktiviti. "Kita tak mahu bonus diberi tetapi produktiviti tidak meningkat.

Pihak swasta dicadangkan supaya bonus dan gaji yang berkaitan langsung dengan produktiviti.

Pengecualian duti ke atas beberapa barang dan penurunan cukai bermakna kerajaan sedia membuka pasaran kita apabila telah sampai masanya untuk pasaran ini mendapatkan saingan dari import luar.

Namun ketika Afta dilancarkan pada 2003 harus tidak ada lagi orang yang mengatakan tidak bersedia dan kita telah beri amaran mengenai perkara ini.

Penggantian import duti akan menambahkan inisiatif syarikat-syarikat domestik.

Rafidah berkata kerajaan ingin melihat pelabur-pelabur tempatan memasuki memasuki bidang-bidang strategik, terutamanya bidang pengeluaran komponen peralatan dan alat-alat untuk kegunaan industri besar yang selama ini diimport.

MITI juga akan mengkaji semula pakej kewangan untuk SME berkaitan dengan program rantaian industri supaya dapat perbanyakkan industri tempatan mengeluarkan barang-barang modal dan barang-barang pertengahan seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri.

Daripada segi mempelbagaikan eksport dan destinasi eksport, fokus kita adalah negara Asean dan China dan negara Selatan di samping mengekalkan promosi eksport ke negara-negara maju.

"Kita tak mahu eksport itu ditunda dan memastikan jenama buatan Malaysia mendapat tempat di negara luar. -- BERNAMA

HK/SHS/MR FR OS